

AKADEMIKA

Journal of Humanities and Social Sciences *Universiti Kebangsaan Malaysia*

Bilangan
Number 26

Januari
January 1985

KANDUNGAN/CONTENTS

Nota Editor	3
Pengaruh Kelembapan Ke Atas Kekeruhan Atmosfera (I): Kaedah Mazlan Othman	7
Pengaruh Kelembapan Ke Atas Kekeruhan Atmosfera (II): Analisis Data Mazlan Othman	13
A Preliminary Study of a Comfort Index Model for Kuching, Malaysia C. Pakar	25
Background Noise Level Along Jalan Kucai Lama, Kuala Lumpur: A Preliminary Observation Sham Sani	35
Flash Flood Problems and Human Responses to the Flash Flood Hazard in Kuala Lumpur Area, Peninsular Malaysia Jamaluddin Jahi	45
Beberapa Petanda Perubahan Sifat Sungai Tembeling Ahmad Badri Mohammad	63
Vegetation and Flora Consideration in the Development of a New Campus Site of Universiti Kebangsaan Malaysia (Sabah Branch) at Likas Bay, Menggatal Shafie Ahmad	77
Management of the Malacca/Singapore Straits: Some Issues, Op- tions and Probable Responses Abu Bakar Jaafar & Mark J. Valencia	93
Nota Ringkas: Gerhana Matahari di Jawa	119

NOTA EDITOR

Keluaran *Akademika* kali ini mengandungi beberapa sumbangan khusus memperkatakan isu-isu semasa mengenai alam sekitar di Malaysia. Beberapa daripada isu yang dibincangkan merupakan topik yang memang telah lama diperdebatkan, sementara yang lain seperti isu pencemaran bunyi bising dan pengurusan Selat Melaka adalah isu-isu "baru" yang muncul hanya dalam beberapa tahun kebelakangan ini sahaja.

Kertas-kertas ini telah ditulis oleh para penyelidik dari berbagai bidang disiplin dan sekali gus mencerminkan betapa kompleksnya masalah alam sekitar kini, memerlukan sumbangan daripada bidang profesyen yang luas bagi mendapatkan penyelesaian.

Di Malaysia, kebimbangan mengenai alam sekitar dan pemuliharaannya adalah suatu perkara yang relatif baru dan hanya mula dirasakan dalam masa beberapa tahun kebelakangan ini sahaja. Pihak pemerintah, menyedari tentang perlunya suatuimbangan antara pembangunan dan kualiti alam sekeliling, telah memperkenalkan "Akta Kualiti Alam Sekeliling" pada tahun 1974. Bagi tujuan mentadbir Akta tersebut, suatu Bahagian Alam Sekitar telah ditubuhkan setahun kemudian di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Setakat ini beberapa peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telahpun diwartakan dan dikuatkuasakan. Menerusi undang-undang seperti ini, beberapa masalah alam sekitar telah dapat dikawal sementara beberapa masalah yang lain masih lagi berleluasa dan membimbangkan. Ini termasuklah masalah-masalah yang berkaitan dengan pencemaran udara dan keselesaan, pencemaran bunyi bising, pencemaran air dan masalah-masalah yang berhubung dengan perancangan dan pengurusan alam sekeliling.

Tiga kertas yang pertama dalam keluaran ini menumpukan perhatian kepada isu pencemaran udara dan keselesaan terutama di kawasan bandar. Walaupun topik ini telah banyak diperkatakan pada masa-masa yang lalu, tetapi dalam konteks Malaysia, kebanyakan daripada perbincangan-perbincangan tersebut hanya tertumpu kepada paras pencemaran di permukaan dan keadaan keselesaan di bandar-bandar. Dalam kertasnya, Mazlan Othman telah menarik perhatian kepada aspek kekeruhan atmosfera yang menyentuh bukan sahaja lapisan udara semipadan bandar tetapi keseluruhan lapisan atmosfera. Ini telah memberikan suatu lagi dimensi tambahan dalam usaha memahami pola pencemaran partikel di bandar-bandar utama di Malaysia. Pakar pula menyentuh ten-

tang indeks keselesaan. Berbeza daripada perbincangan-perbincangan sebelumnya mengenai topik ini, suatu model bagi Bandar Kuching, Sarawak telah dikemukakan.

Suatu bentuk pencemaran yang kini semakin mendapat perhatian ialah pencemaran bunyi bising. Berbanding dengan masalah-masalah alam sekitar yang lain seperti pencemaran air, udara dan hakisan tanah, kesedaran mengenai pencemaran bunyi bising ini agak lewat sedikit; kerjakerja penyelidikan berhubung dengannya juga amat terhad. Kajian kes yang dijalankan di Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur ini mencerminkan bukan sahaja pola paras pencemaran bunyi bising tetapi juga regim harian semasa kajian dijalankan. Maklumat seperti ini dijangka berguna kepada pengurus alam sekitar terutama dalam usaha mereka merancang untuk mengurangkan paras pencemaran bunyi bising di bandar-bandar utama.

Suatu lagi masalah alam sekitar yang sering terdapat di bandar-bandar utama ialah banjir kilat. Sikap dan respon penduduk apabila berhadapan dengan masalah ini berbeza bukan sahaja dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain tetapi juga bergantung kepada faktor sosio-ekonomi, etnik dan lain-lain. Pemahaman mengenai aspek-aspek ini adalah penting dalam usaha mengatasi masalah banjir kilat di samping langkah-langkah melalui penyesuaian kestrukturkan dan langkah-langkah kejuruteraan yang lain. Dalam kertasnya, Jamaluddin telah cuba membincangkan beberapa masalah banjir kilat di Kuala Lumpur dan merakamkan respon penduduk yang sering terlibat dengan masalah tersebut.

Berbeza daripada kertas-kertas yang telah dikemukakan setakat ini, dua kertas yang berikut menarik perhatian kepada kemungkinan impak projek-projek pembangunan terhadap alam sekitar. Ahmad Badri Muhammad dan Shafie Ahmad masing-masing membicarakan tentang kemungkinan berlakunya perubahan-perubahan sifat air hasil daripada kegiatan pembalakan, peluncuran dan pertambahan penduduk terhadap Sungai Tembeling, dan perlunya pertimbangan wajar diberikan kepada aspek-aspek tumbuhan dan flora dalam membangunkan kampus baru Universiti Kebangsaan Malaysia (Cawangan Sabah) di Teluk Likas. Kedua-dua kertas ini membayangkan peri pentingnya kajian penilaian impak alam sekitar dijalankan walaupun kadang-kadang projek yang terlibat itu, dalam konteks pembangunan negara yang lebih luas, agak kecil.

Suatu lagi isu yang kini semakin mendapat perhatian pihak pemerintah tanahair ialah pencemaran samudra dan pengurusan sumber alam semudra. Abu Bakar Jaafar dan Valencia, dalam kertas mereka, menarik perhatian secara langsung kepada isu ini dan mereka menyentuh aspek-aspek pencemaran, perikanan, perlombongan, keselamatan dan bagaimana kerjasama di antara negara-negara yang berkepentingan dapat diwujudkan.

Kelapan-lapan kertas yang diterbitkan dalam keluaran ini telah menyentuh beberapa aspek alam sekitar yang sungguh luas, iaitu mencakup persoalan-persoalan dari pencemaran udara dan pembangunan kampus

hinggalah kepada pengurusan Selat Melaka. Persoalan-persoalan ini mencerminkan bahawa isu-isu alam sekitar masa kini adalah kompleks dan memerlukan gembelangan tenaga profesional dari berbagai bidang untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul. Kertas-kertas ini juga menekankan betapa perlunya kita mengambilkira pertimbangan-pertimbangan alam sekitar dalam pembangunan. Kadang-kadang, dalam beberapa hal, kita seolah-olah mudah sekali terlupa bahawa kejayaan ekonomi semata-mata bukanlah sebenarnya matlamat hidup kita; ia hanyalah alat untuk mencapai kesejahteraan dan kualiti hidup yang lebih intrinsik dan bermakna.

Sham Sani

